

Persepsi Pelajar Wanita Islam UTM Terhadap Fesyen Terkini Dan Tuntutan Menutup Aurat

Ahmad Marzuki Bin Mohamad & Noor Betty Azura Binti Muhamad Radzi
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini adalah mengkaji persepsi pelajar wanita Islam Universiti Teknologi Malaysia terhadap fesyen terkini dan tuntutan menutup aurat. Tujuan kajian ini adalah mengenai pandangan pelajar wanita Islam tentang fesyen pakaian wanita Islam terkini, pandangan terhadap fesyen terkini pakaian wanita Islam yang menepati syarak dan juga mengetahui tahap kefahaman pelajar wanita Islam mengenai tuntutan menutup aurat. Kajian ini dilakukan di tiga buah kolej kediaman pelajar wanita sahaja iaitu Kolej Tun Fatimah, Kolej 9 dan Kolej Datin Seri Endon. Penyelidik memilih seramai 335 orang daripada 2594 orang pelajar wanita Islam sebagai sampel. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik sebagai instrument kajian. Soal selidik bagi kajian ini menggunakan skala *Likert* yang mengandungi 30 item. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science For Windows Intergrated Student Version (SPSS)* versi 13.0 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar wanita Islam terhadap fesyen terkini wanita Islam berada pada tahap min yang tinggi iaitu dengan nilai min 3.76, diikuti dengan persepsi pelajar wanita Islam terhadap fesyen terkini wanita Islam yang menepati syarak dengan nilai min 3.47 berada pada tahap sederhana manakala tahap kefahaman pelajar wanita Islam terhadap tuntutan menutup aurat berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu nilai min 4.72. Kajian ini turut mencadangkan agar dilakukan kajian susulan bagi melihat kaitan antara pengamalan fesyen pakaian wanita Islam terkini dengan kewajipan menutup aurat kepada semua pelajar wanita Islam Universiti Teknologi Malaysia.

Katakunci : persepsi pelajar wanita, fesyen terkini, menutup aurat

Pengenalan

Islam memerintahkan kepada setiap manusia khususnya umat Islam agar menutup aurat dengan berpakaian supaya elok dipandang mata dan bagi membezakan manusia dengan haiwan. Tujuan pakaian dalam perspektif Islam adalah untuk menutup aurat dan untuk berhias (Akmal Hj. Mhd. Zain, 2006 : 166). Sebagaimana firman Allah S.W.T. :

يٰۤاٰدَمُ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَيْكَ لِبَاسًا يُّوْرِى سَوْءَ اَتِكُمْ وَرِيْشًا

[**Quran: 1.1**] Maksudnya: “Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu dan pakaian perhiasan”.

(Al-A'raaf : 26)

Persoalan mengenai aurat merupakan antara aspek prinsip kepada setiap muslim terutamanya wanita Islam. Kewajipan menutup aurat terpikul apabila seseorang telah mencapai usia baligh. Allah S.W.T. mahu manusia mempunyai pedoman dalam membuat pilihan yang betul dan tepat untuk kebaikan manusia sendiri khususnya tuntutan menutup aurat.

Budaya fesyen pakaian memang tidak dapat dipisahkan dari kalangan wanita. Jika kita perhatikan hari ini wanita memang suka meniru fesyen pakaian yang baru dilihatnya. Mereka menganggap pakaian yang mereka tiru itu sesuai dengan mereka (Zurina Hj Mohd Yunus, 2002 : 10). Fesyen pakaian yang harus dipakai oleh setiap wanita Islam tidak ditentukan dengan *rigid* atau tetap, sebaliknya Islam membuka luas kepada umatnya daya cipta atau kreativiti untuk mencipta fesyen pakaian yang sesuai dengan berpandukan ketetapan syariah.

Pernyataan Masalah

Jika diperhatikan situasi hari ini, menunjukkan ramai wanita Islam memilih fesyen dan bentuk pakaian jenis kontemporari dan ranggi. Lebih-lebih lagi, pelbagai koleksi busana muslimah yang wujud bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan menarik minat wanita Islam berpakaian menepati cita rasa moden dengan penampilan gaya elegan. Ia dilakukan dengan melihat bagaimana penerimaannya di kalangan wanita itu sendiri. Ini menggambarkan seolah-olah mereka memandangkan kewajipan menutup aurat bukan satu perintah Allah S.W.T. tetapi hanya sebagai satu tuntutan semasa yang boleh tidak diambil kisah.

Begitu juga dengan cara pemakaian bertudung. Realiti wanita Islam pada zaman sekarang bertudung. Namun begitu, adakah mereka memahami menutup aurat itu hanya bermaksud menutup kepala sahaja atau rambut yang wajib ditutup? Adakah mereka yang bertudung itu atas dasar memahami tentang hukum-hakam Islam atau akibat pengaruh daripada keluarga, kawan-kawan dan persekitaran? Apa yang mendukacitakan, terdapat golongan yang memahami tentang kewajipan menutup aurat tetapi tidak melaksanakannya dengan memberi pelbagai alasan.

Ramai di kalangan remaja pada usia belasan dan awal 20-an hanyut dibuai arus fesyen. Dalam keghairahan mereka membentuk imej tersendiri yang kontemporari dan ranggi, ramai yang terlupa tentang batasan seorang muslimah. Para pelajar institusi pengajian tinggi juga tidak ketinggalan dalam berfesyen mengikut arus zaman moden walaupun terdapat kod etika berpakaian yang telah digariskan oleh pihak pentadbiran pengajian tinggi sendiri terhadap mereka tetapi masih melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Justeru, adakah fesyen pakaian terkini mengikut lunas-lunas Islam yang telah ditetapkan? Isu fesyen wanita Islam masa kini telah menarik perhatian penyelidik kerana permasalahan ini menjadi satu kekeliruan kepada masyarakat Islam kini terutamanya berkaitan dengan soal tuntutan syarak.

Objektif Kajian

Objektif bagi kajian penyelidikan ini ialah untuk :

1. Mendapatkan persepsi pelajar wanita Islam UTM terhadap fesyen terkini wanita Islam.
2. Mengenal pasti persepsi pelajar wanita Islam UTM terhadap fesyen terkini pakaian wanita Islam yang menepati syarak.
3. Mengetahui tahap kefahaman pelajar wanita Islam UTM tentang tuntutan menutup aurat.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting sebagai kajian awal untuk melihat persepsi pelajar wanita Islam UTM terhadap fesyen terkini dan tuntutan menutup aurat. Kajian ini dapat memberikan maklum balas kepada pelbagai pihak. Pertama, sebagai panduan terutamanya kepada ibu bapa untuk memberi kesedaran kepada anak-anak sejak dari kecil dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan harian termasuklah cara berpakaian dan cara pergaulan mengikut lunas-lunas Islam yang dibenarkan. Kedua, sebagai garis panduan kepada sekolah untuk para pelajar yang meningkat ke alam dewasa. Ini penting kerana jiwa remaja yang masih muda mudah terpengaruh

dengan sesuatu yang baru. Jadi tidak dinafikan bahawa mereka lebih suka meniru kepada budaya yang tidak sihat. Selain itu, memberi pendedahan dan kefahaman terhadap pelajar wanita Islam tentang konsep berpakaian dalam Islam sejajar dengan al-Quran dan as-Sunnah. Dapatan kajian ini juga penting sebagai garis panduan kepada pihak pentadbiran universiti mewajibkan semua pelajar wanita Islam menutup aurat ketika berada di dalam dan di luar kampus.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk deskriptif iaitu untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap fesyen dan tuntutan menutup aurat. Tujuan penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk mengetahui persepsi pelajar wanita Islam Universiti Teknologi Malaysia terhadap fesyen terkini dan tuntutan menutup aurat yang telah digaris panduankan oleh syarak.

Reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini ialah tinjauan dengan menggunakan soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen adalah kerana soal selidik ini dapat mengurangkan kos perbelanjaan, menjimatkan masa dan tenaga penyelidik bagi pengumpulan data. Selain itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan yang sama untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Kesemua data yang diperolehi daripada soal selidik ini akan dianalisis secara kuantitatif.

Populasi Dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar wanita Islam Kolej Tun Fatimah, Kolej 9 dan Kolej Datin Seri Endon bagi sesi 2007/2008. Populasi kajian ini terdiri daripada 917 orang pelajar wanita Islam yang mendiami Kolej Tun Fatimah, 746 orang pelajar wanita Islam dari Kolej 9 dan 931 orang pelajar wanita Islam dari Kolej Datin Seri Endon. Jumlah keseluruhan populasi adalah seramai 2594 orang pelajar wanita Islam.

Jadual 1 : Penentuan saiz sampel (Krejcie & Morgan 1970)

N	S	N	S	N	S
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346

85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Nota : N adalah saiz populasi. S ialah saiz sampel. Sampel yang dipilih secara rawak daripada populasi yang diketahui bilangannya secara tepat dengan 95 peratus aras keyakinan. (Sumber : Krejcie, R.V., & D.W. Morgan. 1970. Determining size for research activities. Educational and Psychological Measurement, 30 : 607-610)

Beberapa teknik dapat digunakan bagi mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan tepat. Dalam kajian ini, penyelidik memilih sampel seramai 335 orang pelajar wanita Islam sahaja dari ketiga-tiga buah kolej kediaman tersebut berdasarkan jadual penentuan saiz sampel Krejcie & Morgan seperti di atas.

Menurut Azizi Yahaya *et al* (2007 : 72) rumusan yang digunakan oleh bahagian penyelidikan *National Education Association* seperti yang dilaporkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) digunakan bagi menentukan saiz sampel kajian. Rumus yang digunakan adalah seperti berikut :

$$S = x^2 NP (1 - P) \div d^2 9N - 1) + x^2$$

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah borang soal selidik bagi memenuhi objektif kajian. Berdasarkan kepada borang soal selidik, penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik Azizee Mohd Alwi (2004), Faridah Awang @ Mahmud (1992), Nor Aziyati Azmi (2007), Sharifah Nurlaili Shikh Sudin (2003) dan Siti Rohayu Ramlee (2001) yang lepas untuk dijadikan sebagai model dan telah diubahsuai oleh penyelidik bertepatan dengan sorotan kajian. Set soal selidik yang disediakan mengandungi 30 soalan dengan empat bahagian iaitu bahagian A, B, C, dan D.

Bahagian A adalah berkaitan dengan maklumat latar belakang responden mengikut umur, kolej, aliran pendidikan terakhir dan tahap pendidikan terakhir. Bahagian ini mengandungi soalan jenis *Thurston* di mana responden hanya menanda salah satu daripada pilihan jawapan. Manakala bahagian B pula mengandungi 10 soalan berkaitan persepsi pelajar wanita Islam dari aspek fesyen terkini wanita Islam. Bahagian C mengandungi 10 soalan dari aspek persepsi pelajar wanita Islam terhadap fesyen terkini pakaian wanita Islam yang menepati syarak. Bahagian D mengandungi 10 soalan berkaitan tahap kefahaman pelajar wanita Islam dari aspek tuntutan menutup aurat.

Jawapan bagi soalan-soalan dalam bahagian ini diwakili oleh skala *Likert* yang mempunyai lima maklum balas. Responden dikehendaki menandakan jawapan mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1998 : 97). Dalam bahagian ini, responden dikehendaki menandakan jawapan berdasarkan skala dalam jadual 2 :

Jadual 2 : Pengkelasan nombor dalam skala *Likert*

SKALA LIKERT					
Peringkat	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)
Skala	1	2	3	4	5

Kajian Rintis

Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Tujuan kajian rintis ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item soalan yang dibina.
- ii. Mengetahui semua kenyataan di dalam soal selidik jelas dan mudah difahami.
- iii. Memperbaiki kenyataan item yang boleh menimbulkan takrifan yang berlainan dengan responden.
- iv. Menimbang tempoh masa yang diambil untuk menjawab borang soal selidik yang diedarkan.

Hasil kajian rintis diproses menggunakan *Statistical Package For Social Science For Windows Intergrated Student Version 13.0 (SPSS)*. Hasil daripada pengiraan nilai kebolehpercayaan bagi kajian rintis ini ialah alpha 0.660. Oleh kerana indeks kebolehpercayaan ini berada di tahap sederhana maka penyelidik telah membuat beberapa pengubahsuaian pada item soal selidik untuk meningkatkan kebolehpercayaannya. Hal ini kerana, menurut Mohd. Majid Konting (2005 : 183) nilai kebolehpercayaan adalah melebihi alpha 0.60. Manakala menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1998 : 100) sekiranya nilai koefisien tinggi (0.8 ke atas) maka kebolehpercayaan adalah tinggi.

Kemudian, kajian rintis sekali lagi dilakukan dengan mengambil sampel yang berlainan. Penyelidik telah memilih secara rawak bebas sepuluh orang responden yang terdiri daripada pelajar wanita Islam Kolej Tuanku Canselor, UTM dalam semester II bagi sesi 2007/2008 sebagai sampel bagi kajian rintis ini. Mereka dipilih kerana mempunyai ciri-ciri sama dengan sampel sebenar. Didapati nilai kebolehpercayaan bagi kali kedua ialah alpha 0.854 dan ini bermakna indeks kebolehpercayaan berada di tahap yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa soal selidik boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Analisis Data

Jadual 3 : Rumusan dapatan kajian tahap kefahaman pelajar wanita Islam UTM tentang tuntutan menutup aurat

Item	Pernyataan	Positif		Negatif		Min
		K	%	K	%	
21	Kewajipan menutup aurat merupakan satu tuntutan agama yang termaktub di dalam al-Quran dan as-Sunnah.	334	99.7	1	0.3	4.86
22	Pengetahuan tentang agama membuatkan saya menutup aurat dan ia adalah wajib ke atas setiap Muslim yang telah baligh.	335	100	-	-	4.76
23	Menutup aurat bukan sahaja satu perintah Allah tetapi ia mempunyai faedah untuk saya seperti melindungi kulit dari pancaran cahaya matahari.	329	98.2	6	1.8	4.60
24	Batasan aurat seorang wanita Islam dalam Islam yang sebenar sepatutnya diketahui oleh semua wanita Islam.	333	99.4	2	0.6	4.73
25	Aurat wanita Islam ialah seluruh tubuh kecuali muka dan dua tapak tangan.	334	99.7	1	0.3	4.82
26	Menutup aurat diwajibkan di dalam solat dan di luar solat termasuk memakai stokin.	334	99.7	1	0.3	4.68
27	Sebagai seorang Islam, saya rasa berdosa apabila mendedahkan aurat saya ketika bersama berhadapan dengan lelaki ajnabi (bukan mahram) dan wanita bukan Islam.	335	100	-	-	4.61
28	Apabila berada di hadapan lelaki yang bukan mahram wajib menutup aurat.	335	100	-	-	4.79
29	Menutup aurat membuatkan keperibadian saya menjadi tinggi.	335	100	-	-	4.63
30	Menutup aurat menjadikan umat Islam lebih maju dan bertamadun.	335	100	-	-	4.70
Jumlah Min Keseluruhan						4.72

Merujuk kepada jadual 3 di atas, keputusan menunjukkan min yang tertinggi bagi persoalan kajian yang ketiga ialah pada item 21 iaitu pernyataan tentang 'Kewajipan menutup aurat merupakan satu tuntutan agama yang termaktub di dalam al-Quran dan as-Sunnah' dengan min sebanyak 4.86. Seramai 334 orang responden iaitu 99.7% memberi tahap persetujuan yang positif dengan item ini. Diikuti item 25 dan 28 iaitu pernyataan tentang 'Aurat wanita Islam ialah seluruh tubuh kecuali muka dan dua tapak tangan' dan 'Apabila berada di hadapan lelaki yang bukan mahram wajib menutup aurat'. Kedua-dua item ini mencatat peratusan sebanyak 99.7% dan 100% dengan responden seramai 334 dan 335 orang.

Selain itu, bagi item 22, 24 dan 30 mencatat nilai min dan peratusan persetujuan masing-masing dengan memperolehi sebanyak 4.76 atau 100%, 4.73 atau 99.4% dan 4.70 atau 100% iaitu dengan pernyataan 'Pengetahuan tentang agama membuatkan saya menutup aurat dan ia adalah wajib ke atas setiap Muslim yang telah baligh', 'Batasan aurat seorang wanita Islam dalam Islam yang sebenar sepatutnya diketahui oleh semua wanita Islam' dan 'Menutup aurat menjadikan umat Islam lebih maju dan bertamadun'.

Manakala bagi item 26 dan 29 iaitu pernyataan tentang 'Menutup aurat diwajibkan di dalam solat dan di luar solat termasuk memakai stokin' dan 'Menutup aurat membuatkan keperibadian saya menjadi tinggi' mencatat nilai min 4.68 dan 4.63. Kedua-dua item ini mencatat peratusan persetujuan sebanyak 99.7% dan 100%. Seterusnya item 27 mencatat nilai min 4.61 iaitu dengan pernyataan tentang 'Sebagai seorang Islam, saya rasa berdosa apabila mendedahkan aurat saya ketika bersama berhadapan dengan lelaki ajnabi (bukan mahram) dan wanita bukan Islam'.

Item yang mencatatkan min terendah adalah pada item 23 iaitu pernyataan tentang 'Menutup aurat bukan sahaja satu perintah Allah tetapi ia mempunyai faedah untuk saya seperti melindungi kulit dari pancaran cahaya matahari' dengan min sebanyak 4.60. Pada bahagian ini, nilai min keseluruhan adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.72.

Perbincangan

Analisis telah dilakukan untuk mendapatkan persepsi responden terhadap fesyen terkini wanita Islam sekarang secara umum. Hasil penelitian yang telah dilakukan menunjukkan peratus persetujuan yang tinggi iaitu 99.1% mengatakan fesyen pakaian moden terkini wanita Islam semakin berkembang. Hasil dapatan ini diperkukuhkan oleh dapatan kajian Faridah Awang sebanyak 68.0% responden sentiasa mengikuti perkembangan fesyen. Ini jelas bertepatan dengan berpakaian kerana fesyen akan sentiasa mengikuti perkembangan dan perubahan fesyen (Faridah Awang, 1992 : 25).

Perkara ini juga dapat dilihat bagi item 5 dan 4 yang mencatat persetujuan yang tinggi iaitu pernyataan tentang 'Kebanyakan fesyen pakaian wanita Islam di pasaran sekarang mementingkan cita rasa semasa' dan 'Fesyen pakaian wanita Islam sekarang mengikut arus semasa' mencatat tahap peratusan persetujuan sebanyak 98.3% dan 97.6%. Ini menyatakan bahawa tanggapan responden terhadap fesyen Muslimah sekarang mementingkan cita rasa masyarakat sekarang yang mana selari dengan (Shofian Ahmad *et al*, 2004 : 80) menyatakan bahawa terdapat pelbagai fesyen pakaian wanita Islam yang dicipta memenuhi cita rasa masyarakat dan ia sentiasa berubah dari semasa ke semasa (Al-Muslimah, 2007 : 11).

Manakala bagi item 3 dan item 8 dengan pernyataan 'Fesyen pakaian wanita Islam sekarang sangat menarik perhatian saya' dan 'Fesyen pakaian wanita Islam sekarang terikut-ikut dengan budaya Barat'. Keputusan peratusan yang dicatat bagi kedua-dua item tersebut ialah 94.6%. Berdasarkan peratusan ini, responden akui fesyen terkini pakaian wanita Islam sangat

menarik perhatian bagi golongan wanita Islam khususnya dan ini juga menunjukkan bahawa responden peka terhadap aliran fesyen pakaian wanita Islam sekarang lebih kepada bentuk dan corak dari Barat. Kenyataan ini dibuktikan oleh (Shofian Ahmad *et al*, 2004 : 80) menjelaskan bahawa fenomena perkembangan fesyen berpakaian mutakhir ini telah berusaha menggabungkan fesyen pakaian Islam dan fesyen pakaian moden dari Barat.

Berdasarkan analisis dilakukan bagi item 18 dan 12 iaitu pernyataan 'Bagi saya memakai tudung bukan merupakan satu fesyen masa kini tetapi adalah satu kewajipan' dan 'Memakai pakaian yang menutup aurat adalah perkara yang bukan satu bebanan bagi saya' mencatat peratusan persetujuan sebanyak 99.4% dan 97.0%. Hal ini menunjukkan bahawa responden mengetahui berpakaian menutup aurat dan bertudung itu satu tuntutan Islam dan bukan satu bebanan. Kenyataan ini dibuktikan oleh Tengku Intan Zarina Tengku Puji, Pensyarah di Jabatan Pengajian al-Quran & Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia bahawa ada yang mengaitkan tudung sebagai suatu yang sinonim dengan budaya dan tradisi orang Melayu dan ada yang menerimanya sebagai imej wanita Islam yang berlandaskan tuntutan dan kefardhuan syariat (Al-Islam, 2000 : 61). Allah S.W.T. memerintahkan sesuatu bukanlah untuk membebani hambaNya malah untuk memberikan keselesaan kepada semua manusia.

Hasil analisis bagi item 22, 27, 28, 29 dan 30 dengan pernyataan 'Pengetahuan tentang agama membuatkan saya menutup aurat dan ia adalah wajib ke atas setiap Muslim yang telah baligh' , 'Sebagai seorang Islam, saya rasa berdosa apabila mendedahkan aurat saya ketika bersama berhadapan dengan lelaki ajnabi (bukan mahram) dan wanita bukan Islam' , 'Apabila berada di hadapan lelaki yang bukan mahram wajib menutup aurat' , 'Menutup aurat membuatkan keperibadian saya menjadi tinggi' dan 'Menutup aurat menjadikan umat Islam lebih maju dan bertamadun' mencapai peratusan persetujuan 100%.

Bagi item 24 yang memperolehi peratusan persetujuan sebanyak 99.4% mewakili pernyataan 'Batasan aurat seorang wanita Islam dalam Islam yang sebenar sepatutnya diketahui oleh semua wanita Islam' membuktikan bahawa majority responden bersetuju, wanita yang beragama Islam hendaklah mengetahui batas-batas aurat yang sebenar dalam Islam. Berdasarkan keputusan tersebut menunjukkan responden mengetahui batasan aurat yang sebenar. Seterusnya, menutup aurat juga mempunyai hikmah yang tersendiri selain merupakan satu perintah Allah S.W.T. Ini dapat dilihat melalui item 23 berkaitan dengan 'Menutup aurat bukan sahaja satu perintah Allah tetapi ia mempunyai faedah untuk saya seperti melindungi kulit dari pancaran cahaya matahari' mencatat peratusan persetujuan sebanyak 98.2%. Ini dibuktikan oleh kajian Siti Rohayu Ramlee (2002) sebanyak 97.3% bersetuju menutup aurat bukan sahaja perintah Allah tetapi dapat melindungi kulit dari pancaran matahari.

Analisis keseluruhan min yang diperolehi ialah 4.72. Ini jelas menunjukkan tahap kefahaman pelajar wanita Islam UTM tentang tuntutan menutup aurat adalah pada tahap sangat tinggi.

Rujukan

- Akmal Hj. Mhd. Zain (2006). *Halal Dan Haram Dalam Kehidupan*. Kuala Lumpur : Al-Hidayah Publishers
- Al-Qarni, A'idh Abdullah (Dr.) (2007). *Fiqhul Dalil Menguasai Dalil-Dalil Fiqah*, Mohd Sofwan Amrullah (terj). Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise
- Baharudin Othman, Nordin Bayadi & Mohd Bahrin Haji Sidek (2002). *Aurat Dalam Islam*. Johor : Unit Ukhuwah Bahagian Dakwah Jabatan Agama Johor

- Endak Sempok Mohd Tahir (Ir.) (2003). *Bagaimana Akhirnya Saya Bertudung*. Bentong, Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Fatimah Hj. Omar (2000). *Bimbingan Fardhu Ain Untuk Wanita*. Batu Caves, Selangor : Pustaka Ilmi
- Jaafar Salleh (2006). *Batas-Batas Aurat & Pergaulan Serta Hukum Persolekan Dalam Islam*. Johor Bahru : Pustaka Azhar
- K.H.E. Abdurrahman (1997). *Pedoman Wanita*. Selangor : Klang Book Centre
- Liza Angelo Milo Abdullah (Hajjah) (2001). *Al-Quran Dalam Kehidupan Sehari-hari*. Shah Alam, Selangor : Malita Jaya Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghafar (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Nasir Awang (Mei 2007). *Membendung Jenayah Seksual Terhadap Wanita*. AL-MUSLIMAH. Bil 194: 40-41
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (2003). *Reka Bentuk Tinjauan : Soal Selidik Pendidikan*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia
- Muhamad Najib & Nur Yasmin Zulaikha (2006). *290 Nasihat Untuk Muslimah*. Kuala Lumpur : Jasmin Enterprise
- Muhammad Ismail (Dr.) (2007). *Hijab : Memelihara Kesucian Wanita Muslimah*. Johor : Pustaka Azhar
- Najhan Imamuddin (September 1997). *Ratu Binatang dan Ratu Manusia*. DAKWAH. Bil 244: 13
- Rahmat Ismail (1997). *Etika Sosial : Satu Peradaban Dalam Kehidupan Sosial Manusia*. Selangor : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Shamsujunaidi El Syams (Mac 2004). *Memahami Kewajipan Menutup Aurat Berdasarkan Tafsiran Ayat Hijab*. AL-ISLAM. Bil 358-366: 25
- Shofian Ahmad & Lotfiah Zainal Abidin (2004). *Aurat : Kod Pakaian Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noah (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan : Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Zaharuddin Abd Rahman (Ustaz) (Julai 2007). *Salah Tanggapan Wanita Tentang Aurat*. AL-MUSLIMAH. Bil 195: 59-61
- Zuarida Mohyin (September 2000). *Bertudung Tuntutan Agama, Trend atau Paksaan?*. AL-ISLAM. Bil 321: 61